

PELAN ANTIRASUAH **SPAN**

SPAN ANTI-CORRUPTION PLAN (SACP)

2021-2025



**“ Kerajaan mengutamakan
usaha-usaha untuk
membanteras amalan
rasuah dan salah guna
kuasa.”**

YAB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN
Perdana Menteri Malaysia

Sumber : Ucapan Sulung sebagai Perdana Menteri
di hadapan Yang di Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin
Al-Mustafa Billah Shah, di Istana Negara 1 Mac 2020.

Hak Cipta Terpelihara Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga, sama ada cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Bahagian Audit Dalam & Intergiti, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara terlebih dahulu.

Diterbitkan Oleh:
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA
Ground Floor and First Floor,
Prima Avenue 7,
Block 3510, Jalan Teknokrat 6,
63000 Cyberjaya, Selangor

Cetakan pertama 2021

PERUTUSAN KETUA PENGAWAI EKSEKUTIF

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Pelan Antirasuah SPAN (SACP 2021-2025) dapat disediakan. Sekalung tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat di dalam membangunkan pelan ini. Pelan ini bertujuan untuk menjadikan SPAN sebuah organisasi yang telus dan berintegriti dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawab mengawal selia industri perkhidmatan air.

Pelan ini telah dibangunkan secara kolektif bersama Jabatan dan Bahagian dalaman SPAN serta dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Institut Integriti Malaysia (INTEGRITY). Justeru, ianya menjadikan SACP 2021-2025 sebagai pelan strategik dan komprehensif yang mengambil kira risiko-risiko serta kelemahan dalam aspek governans, integriti dan rasuah dalam organisasi.

Pelan SACP 2021-2025 ini merupakan dokumen utama di peringkat organisasi yang bertujuan menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah untuk menjadikan SPAN sebagai sebuah badan kawal selia yang adil, berkesan dan telus dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawab mengawal selia industri perkhidmatan air.

SPAN amat komited dalam memastikan pelaksanaan semua inisiatif-inisiatif yang digariskan dalam SACP 2021 – 2025 ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Adalah diharapkan, Pelan Antirasuah SPAN ini akan menjadi panduan serta dihayati oleh semua warga kerja SPAN bagi mencapai misi SPAN sebagai sebuah badan kawal selia yang adil, berkesan dan telus.

Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhajaya Perkhidmatan Air Negara



**Justeru, ianya
menjadikan SACP
2021-2025 sebagai
pelan strategik dan
komprehensif yang
mengambil kira risiko-
risiko serta kelemahan
dalam aspek governans,
integriti dan rasuah
dalam organisasi.**

“Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)”

Surah Al-Baqarah, Ayat 188

PELAN 2021

ANTIRASUAH 2025

SPAN

SPAN ANTI-CORRUPTION PLAN (SACP)

KANDUNGAN

1. PENGENALAN

1.1	Pengenalan	9
1.2	Latar Belakang SPAN	10
1.3	Perlaksanaan Agenda Integriti	13

2. PELAN ANTIRASUAH

2.1	Pelan Antirasuah SPAN (SACP 2021 – 2025)	23
2.2	Kerangka Utama SACP	24
2.3	Analisa Kuadran SACP	26
2.4	Pelan Pelaksanaan	27
2.5	Bidang Keutamaan	28

3. TADBIR URUS SACP

3.1	Struktur Tadbir Urus SACP	48
3.2	Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan Dan Penilaian	49

4. KESIMPULAN

50

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sebagai badan kawal selia industri perkhidmatan air amat komited dalam usaha menangani rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan bagi memastikan kawal selia yang adil, berkesan dan telus.



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

1.2 Latar Belakang SPAN

1.3 Perlaksanaan Agenda Integriti



1. PENGENALAN


1.1 Pengenalan

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sebagai badan kawal selia industri perkhidmatan air amat komited dalam usaha menangani rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan bagi memastikan kawal selia yang adil, berkesan dan telus.

Sebagai salah satu usaha berterusan dalam memerangi rasuah, SPAN telah mengambil inisiatif membangunkan Pelan Antirasuah SPAN (SACP 2021-2025). Pelan SACP 2021-2025 ini merupakan sebuah dokumen utama yang menggariskan tindakan yang menyeluruh dan bersepada dalam usaha memerangi rasuah. Ia memberi tumpuan khusus kepada masalah rasuah yang berlaku dalam organisasi.

Pembangunan Pelan SACP 2021-2025 ini adalah berdasarkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) di bawah Inisiatif 2.1.5. Pelan Antirasuah Nasional di bawah Strategi 2: Memperkuuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan iaitu ‘...mewajibkan sektor awam untuk membangunkan Pelan Antirasuah...’.

Selain itu, Pelan SACP 2021-2025 ini juga dibangunkan berpandukan kepada arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018, Siri 2 No.1 Tahun 2019 berkaitan Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi.



1.2 Latar Belakang SPAN

SPAN adalah sebuah badan kawal selia teknikal dan ekonomi yang berperanan untuk menyelia dan mengawal selia perkhidmatan air dan pembetungan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan).

SPAN mengawal selia kesemua entiti dalam industri air dan pembetungan termasuk operator perkhidmatan bekalan air dan pembetungan awam, operator perkhidmatan bekalan air dan pembetungan persendirian, kontraktor bekalan air dan pembetungan, pemegang permit dan kelulusan produk bagi bekalan air dan pembetungan.

SPAN mengawal selia industri perkhidmatan air berdasarkan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) yang telah berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.




Visi dan Misi SPAN



VISI

Ke arah perkhidmatan air yang mampan, berdaya harap dan termampu untuk semua.



MISI

Untuk mengawal selia industri perkhidmatan air melalui pelaksanaan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) dengan adil, berkesan dan telus.



Fungsi Suruhanjaya

Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654) memperuntukkan fungsi Suruhanjaya seperti yang berikut:

-  **Menasihati Menteri** tentang segala perkara berhubung dengan objektif dasar kebangsaan bagi undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembetungan dan melaksanakan dan memajukan objektif dasar kebangsaan itu;
-  **Melaksanakan dan menguatkuasakan** undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembetungan dan menimbaangkan dan mengesyorkan pembaharuan kepada undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembetungan;
-  **Memastikan daya pengeluaran** industri perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetungan dan memantau pengendali mematuhi standard perkhidmatan yang ditetapkan, obligasi berkontrak dan undang-undang dan garis panduan yang berkaitan;
-  **Menambah usaha persepadu** ke arah peningkatan kecekapan pengendalian industri itu dan secara khususnya pengurangan air tidak terhasil melalui program jangka pendek, jangka pertengahan dan jangka panjang;
-  **Menasihati Menteri** tentang mekanisme yang adil dan cekap bagi menentukan tarif yang adil kepada kedua-dua pengguna dan pemegang lesen dan melaksanakan tarif yang telah ditetapkan melalui mekanisme dan alat yang sesuai;
-  **Memastikan matlamat** pembangunan negara berkenaan dengan liputan, pembekalan dan akses kepada perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetungan tercapai;
-  **Memastikan pengekalan kualiti air** dan perkhidmatan pembetungan secara jangka panjang melalui pembangunan modal kerja yang berterusan;
-  **Merumuskan dan melaksanakan** rancangan supaya semua permintaan yang munasabah bagi perkhidmatan pembetungan dipenuhi dan melalui perundingan dengan pihak berkuasa yang berkaitan, menyediakan suatu rancangan kawasan tадahan pembetungan yang merumuskan dasar dan cadangan am berkenaan dengan pembangunan apa-apa sistem pembetungan yang baru dan langkah-langkah bagi pemberian mana-mana sistem pembetungan yang sedia ada;
-  **Menjalankan** apa-apa fungsi yang diberikan kepadanya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain; dan
-  **Menasihati Menteri** secara amnya mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetungan.

1.3 Perlaksanaan Agenda Integriti

Dasar Integriti dan Antirasuah SPAN



SPAN sebagai badan kawal selia industri perkhidmatan air mengamalkan **Toleransi Sifar** terhadap amalan rasuah atau segala aktiviti berunsurkan rasuah dan salah guna kuasa dalam melaksanakan kawal selia serta operasinya.

SPAN tidak akan bertolak ansur dan akan bertindak tegas bagi membanteras rasuah atau aktiviti berunsurkan rasuah serta salah guna kuasa bagi memastikan kawal selia yang adil, berkesan dan telus.

SPAN komited untuk :-

A	Mewujudkan budaya berintegriti dan mempraktikkan tadbir urus terbaik dalam urusan kawal selia;	
B	Memastikan kepatuhan undang-undang serta peraturan, pekeliling, dasar dan Kod Etika sedia ada dalam memerangi rasuah;	
C	Menggalakkan pelaporan mengenai aktiviti rasuah serta salah guna kuasa menerusi Polisi Pemberi Maklumat (Whistleblowing Policy) serta memberikan perlindungan kepada pemberi maklumat;	
D	Mengambil tindakan ke atas mana-mana warga SPAN yang tidak mematuhi dasar, polisi dan melanggar undang-undang antirasuah selaras dengan undang-undang yang berkuatkuasa;	
E	Mempraktikkan dan memantau Sistem Pengurusan Antirasuah ISO 37001 dan sentiasa menggalakkan penambahbaikan polisi dan prosedur anti rasuah dan integriti yang berterusan;	
F	Menyokong lain-lain peranan pengurusan ke arah mencegah dan mengesan perlakuan rasuah tertakluk kepada bidang tanggungjawab.	

INISIATIF INTEGRITI SPAN



Agenda pengukuhan integriti di Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara telah bermula sejak dari tahun 2009 dengan penubuhan Jawatankuasa Keutuhan & Tadbir Urus. Seterusnya, pada tahun 2015, cadangan mewujudkan fungsi integriti telah diusulkan dan Unit Integriti telah ditubuhkan secara rasmi pada Februari 2016.

Bagi memastikan keberkesanan dalam usaha memerangi rasuah dan meningkatkan integriti, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh SPAN, antaranya :-

	Inisiatif	Keterangan
1	Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) SPAN <i>(sebelum ini dikenali sebagai JITU)</i>	Diurusetiakan oleh Unit Integriti, dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) dan ahli terdiri dari pengurusan kanan SPAN.
2	Pelan Integriti SPAN (Pelan 5 Tahun 2017- 2021)	Pelan tindakan lima tahun (2017 – 2021) bagi aktiviti berkaitan integriti dipantau oleh Unit Integriti dan dilaporkan kepada JAR.
3	Polisi Pemberi Maklumat <i>(Whistleblowing Policy)</i>	Saluran aduan salah laku, salah guna kuasa, penyelewengan dan sebagainya. Dikendalikan sepenuhnya oleh Unit Integriti.
4	Perisyiharan Harta	Perisyiharan oleh semua kakitangan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan dan dikendalikan oleh Unit Modal Insan.
5	Akujanji	Akujanji oleh semua kakitangan dan dikendalikan sepenuhnya oleh Unit Modal Insan.
6	Kod Etika	Kod Etika bagi semua kakitangan SPAN.

	Inisiatif	Keterangan
7	Garis Panduan Penerimaan Hadiah	Disediakan oleh Unit Integriti berdasarkan prosedur JPA dan Polisi Integriti dan Antirasuah SPAN.
8	Ikrar Integriti	Ikrar Integriti oleh semua kakitangan untuk mematuhi prosedur dan undang-undang serta tidak terlibat dengan rasuah.
9	<i>Integrity Pact</i>	Dikendalikan oleh Unit Perolehan berdasarkan prosedur ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dan Polisi Integriti dan Antirasuah SPAN.
10	Kajian Persepsi Rasuah di kalangan warga SPAN	Kajian ke atas semua pegawai dan kakitangan SPAN berkenaan persepsi rasuah dan dikendalikan oleh Institut Integriti Malaysia (IIM).
11	Program Kesedaran Rasuah	Dilaksanakan oleh Unit Integriti dengan kerjasama Unit Modal Insan.
12	Polisi Integriti dan Antirasuah SPAN	Penyataan berkenaan in integriti dan antirasuah ke atas warga SPAN serta pihak berkaitan.
13	Rangka Kerja Integriti dan Antirasuah Bagi Pemegang Lesen	Garis panduan berkenaan pelaksanaan aktiviti pemantapan integriti serta antirasuah ke atas operator.
14	Corruption Risk Management (CRM)	Proses mengenalpasti risiko rasuah, mengambil tindakan pencegahan, memantau dan melaporkan kepada pengurusan.

Selain pembangunan Pelan SACP 2021-2025 ini, SPAN juga di dalam proses mendapatkan pensijilan Sistem Pengurusan Antirasuah MS ISO 37001 pada tahun 2021.

NACP yang dibangunkan dengan kajian yang menyeluruh, berupaya memberi **impak positif** dan berkekalan dalam membendung **amalan rasuah**.



BAB 2

PELAN ANTIRASUAH

2.1 Pelan Antirasuah SPAN (SACP 2021 – 2025)

2.2 Kerangka Utama SACP

2.3 Analisa Kuadran SACP

2.4 Pelan Pelaksanaan

2.5 Bidang Keutamaan



2. PELAN ANTIRASUAH

Kerajaan telah melancarkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 pada Januari 2019 bagi menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan NKRA-Memberantas Rasuah. NACP yang dibangunkan dengan kajian yang menyeluruh, berupaya memberi impak positif dan berkekalan dalam membendung amalan rasuah. NACP juga diperkenalkan setelah mengambil kira pandangan pelbagai lapisan masyarakat berhubung isu kebebasan, hak, kesejahteraan dan ketidakstabilan ekonomi negara.

Selaras dengan inisiatif 2.1.5. Pelan Antirasuah Nasional (NACP) iaitu 'mewajibkan sektor awam untuk membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi', SPAN telah membangunkan Pelan Antirasuah SPAN.

11	Jun 2020	Perlantikan Perunding	<ul style="list-style-type: none">Perlantikan Institut Integriti Malaysia (IIM) sebagai perunding
10	Julai 2020	Taklimat Pengenalan	<ul style="list-style-type: none">Sesi penerangan berkenaan pembangunan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP).
24	Julai 2020	Bengkel Analisa Data	<ul style="list-style-type: none">Mengenalpasti risiko-risiko berkaitan governans, integriti dan antirasuah di SPAN berdasarkan kepada data daripada sumber dalaman dan juga luaran.
2-4	September 2020	Bengkel Perancangan Senario	<ul style="list-style-type: none">Mengenalpasti risiko yang telah, sedang dan akan berlaku.Mengenalpasti inisiatif dan Jabatan, Bahagian, Unit PelaksanaMengkaji tempoh masa perlaksanaan inisiatif
17	September 2020	Maklumat balas Pengurusan	<ul style="list-style-type: none">Mendapatkan pengesahan dan maklumbalas daripada Jabatan / Bahagian / Unit Pelaksana berkenaan inisiatif yang akan dilaksanakan.
28-29	September 2020	Bengkel Pemurnian	<ul style="list-style-type: none">Menyusun semula penulisan dan mengemaskini maklumbalas daripada Pelaksana.
12	Oktober 2020	Pengurusan Tertinggi SPAN dan Suruhanjaya	<ul style="list-style-type: none">Pembentangan ke Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah SPAN Bil 2/2020 bagi memperaku Pelan Anti Rasuah SPAN. Selanjutnya diluluskan oleh Jawatankuasa Audit SPAN pada Disember 2020.



Taklimat Pengenalan 10 Julai 2020



Bengkel Analisa Data

24 Julai 2020



Bengkel Perancangan Senario

2-4 September 2020





**Bengkel Pemurnian
28-29 September
2020**



2.1 Pelan Antirasuah SPAN (SACP 2021-2025)

Pelan Antirasuah SPAN atau SPAN's Anti-Corruption Plan (SACP 2021-2025) merupakan pelan pencegahan rasuah yang strategik dan komprehensif untuk tempoh lima tahun akan datang. Ianya bertujuan bagi memacu SPAN ke arah peningkatan ketelusan dengan menerapkan prinsip integriti, tadbir urus baik dan kebertanggungjawaban dalam semua proses dan prosedur.

Empat bidang keutamaan telah dikenal pasti berisiko serta terdedah kepada perlakuan rasuah melalui kajian analisa data dan juga hasil perlaksanaan bengkel perancangan senario.

Sebanyak 60 inisiatif telah dikenalpasti dan dipertanggungjawabkan kepada bahagian-bahagian terlibat bagi meningkatkan tahap ketelusan dan integriti warga SPAN.

Hasil kajian analisa data dan juga perlaksanaan bengkel perancangan senario juga turut telah dibentangkan kepada Pengurusan Tertinggi bagi menyatakan komitmen SPAN dalam menangani kelemahan tadbir urus, memerangi rasuah dan salah guna kuasa.

Pelan pencegahan rasuah
yang strategik dan
komprehensif


5

tahun akan datang

60

INISIATIF

telah dikenalpasti
dipertanggungjawabkan kepada
bahagian-bahagian terlibat bagi
meningkatkan tahap ketelusan
dan integriti warga SPAN.



2.2 Kerangka Utama SACP



VISI


Mentransformasikan SPAN sebagai sebuah Badan Kawal Selia industri perkhidmatan air dan pembetungan yang berintegriti serta bebas rasuah.



MISI

Memperkuuhkan tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam meningkatkan tahap profesionalisme warga SPAN dalam pengawalseliaan industri perkhidmatan air dan pembetungan melalui pematuhan terhadap Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) dengan adil, berkesan dan telus.

MATLAMAT



Prinsip Pengurusan Antirasuah SPAN

Prinsip pengurusan antirasuah SPAN adalah dasar yang dipegang oleh SPAN dalam menentukan hala tuju pengurusan pelaksanaan pelan SACP 2021-2025. SPAN telah menggariskan empat (4) prinsip seperti berikut :



Prinsip 1 : Komitmen Pengurusan Tertinggi

Pengurusan Tertinggi SPAN komited dalam memastikan SPAN ;-


- Mengamalkan serta menghayati integriti dan nilai-nilai etika di tahap yang tertinggi.
- Mematuhi sepenuhnya keperluan undang-undang dan peraturan berkaitan antirasuah yang berkuatkuasa.
- Menguruskan risiko rasuah organisasi secara berkesan.



Prinsip 2 : Penilaian Risiko Rasuah

Penilaian risiko rasuah dijadikan asas kepada usaha antirasuah SPAN. Sehubungan itu, SPAN akan ;-

- Melaksanakan penilaian risiko rasuah secara berkala dan apabila terdapat keperluan perubahan.
- memberi keutamaan kepada risiko rasuah sama ada dalaman maupun luaran.



Prinsip 3 : Pelaksanaan inisiatif

SPAN akan mewujudkan langkah pelaksanaan inisiatif yang munasabah dan bersesuaian bagi menangani sebarang risiko rasuah yang berbangkit daripada kelemahan struktur tadbir urus, proses dan prosedur serta penguatkuasaan undang-undang.



Prinsip 4 : Pemantauan dan penilaian secara sistematis

Pemantauan dan penilaian secara sistematik dilaksanakan dengan memastikan;-

- Mengemukakan pelaporan pelaksanaan inisiatif kepada Pengurusan Tertinggi.
- Penilaian secara berkala bagi menilai prestasi, kecekapan dan keberkesanan program.
- Mengenalpasti penyelesaian terbaik bagi setiap permasalahan yang timbul.

2.3 Analisa Kuadran SACP

Analisa kuadran telah dibuat ke atas inisiatif yang telah dirancang bagi mengenalpasti tahap kompleksiti, kesukaran dan kerumitan dalam pelaksanaannya dan juga tahap impak yang merujuk kepada kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif.

Definisi Kuadran

KUADRAN A	KUADRAN B	KUADRAN C	KUADRAN D
			
Mewakili inisiatif Berimpak Tinggi, Kompleksiti Rendah	Mewakili inisiatif Berimpak Tinggi, Kompleksiti Tinggi	Mewakili inisiatif Berimpak Rendah, Kompleksiti Rendah	Mewakili inisiatif Berimpak Rendah, Kompleksiti Tinggi

Pengkelasan Analisa Kuadran

36 / 60
INISIATIF

Analisa Kuadran di bawah menggambarkan keutamaan bagi 36 inisiatif yang telah dikenal pasti daripada keseluruhan 60 inisiatif yang telah dirancang di kategorikan berada di dalam kategori A.

Bil.	Bidang Keutamaan	Strategi Utama	Objektif Strategi	Inisiatif
1.	Tadbir Urus Dan Perundangan	Memupuk Pengamalan Tadbir Urus Baik Dan Memperkasakan Perundangan Yang Komprehensif Bagi Meningkatkan Integriti, Kredibiliti Dan Akauntabiliti SPAN	3	12
2.	Pengurusan Teknikal dan Operasi	Mempertingkatkan Ketelusan Dan Kecekapan Dalam Pengoperasian	4	17
3.	Penguatkuasaan	Memantapkan Keberkesanan Aktiviti Penguatkuasaan Dan Pendakwaan	2	8
4.	Pengurusan Korporat dan Pentadbiran	Mempertingkatkan Ketelusan Perolehan Dan Meningkatkan Kompetensi Pengamalan Profesionalisme Pegawai Serta Ketelusan Pentadbiran	3	23
Jumlah			12	60

Bidang Keutamaan / Strategi	Kuadran A	Kuadran B	Kuadran C	Kuadran D
Tadbir Urus dan Perundangan	5	7	-	-
Pengurusan Teknikal dan Operasi	11	6	-	-
Penguatkuasaan	5	3	-	-
Pengurusan Korporat dan Pentadbiran	15	8	-	-
Jumlah	36	24	-	-
Jumlah Keseluruhan	60			

2.4 Pelan Pelaksanaan

Jangka Masa Pelaksanaan

Jangka masa pelaksanaan dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu pelan jangka pendek yang memfokuskan kepada inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan di dalam tempoh satu (1) hingga dua (2) tahun dan juga pelan jangka panjang memfokuskan kepada inisiatif yang dirancang untuk dilaksanakan di dalam tempoh tiga (3) hingga ke lima (5) tahun termasuk inisiatif yang dirancang akan dilaksanakan secara berterusan.

Bil.	Bidang Keutamaan	Jangka Masa Pendek (1-2 Tahun)	Jangka Masa Panjang (3-5 Tahun)	Inisiatif
1.	Tadbir Urus Dan Perundangan	6	6	12
2.	Pengurusan Teknikal dan Operasi	4	13	17
3.	Penguatkuasaan	1	7	8
4.	Pengurusan Korporat dan Pentadbiran	6	17	23
Jumlah		17	43	60

2.5 Bidang Keutamaan

Bidang Keutamaan 1: Tadbir Urus Dan Perundangan

BIDANG KEUTAMAAN 1		TADBIR URUS DAN PERUNDANGAN		
STRATEGI 1		Memupuk pengamalan tadbir urus baik dan memperkasakan perundangan yang komprehensif bagi meningkatkan integriti, kredibiliti dan akauntabiliti SPAN.		
OBJEKTIF STRATEGIK 1.1		Pemerksaan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) dan perundangan subsidiari.		
BIL.	INISIATIF / TINDAKAN		PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.	Menyemak semula serta meminda Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) dan perundangan subsidiari.		Unit Khidmat Perundangan	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)



BIDANG KEUTAMAAN 1		TADBIR URUS DAN PERUNDANGAN	
STRATEGI 1		Memupuk pengamalan tadbir urus baik dan memperkasakan perundangan yang komprehensif bagi meningkatkan integriti, kredibiliti dan akauntabiliti SPAN.	
OBJEKTIF STRATEGIK 1.2		Pemerkasaan Tadbir Urus agar lebih efisyen bagi meningkatkan ketelusan serta kebolehpercayaan warga SPAN dan pemegang taruh.	
BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.	Menyemak semula <i>Term of Reference (TOR)</i> Jawatankuasa dengan mewujudkan keperluan Jawatan Pengerusi ganti serta menyatakan keperluan mengadakan mesyuarat secara berkala berdasarkan kepada keperluan.	Unit Urus Setia	2 Tahun 2021 - 2022
2.	Menyemak semula serta mengemaskini semua Garis Panduan, Ketetapan, Tatacara serta Manual Prosedur Kerja SPAN yang berkaitan secara berterusan.	Semua Jabatan / Bahagian / Unit	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)
3.	Melaksanakan suatu kajian (<i>survey</i>) di kalangan warga kerja SPAN bagi mengkaji tahap kepercayaan warga kerja SPAN terhadap Saluran Pemberi Maklumat (<i>Whistle Blowing Channel</i>) untuk menilai tahap keberkesanan saluran ini.	Bahagian Perancangan Strategik	2 Tahun 2021 - 2022
4.	Menambah baik polisi Saluran Pemberi Maklumat (<i>Whistle Blowing Channel</i>) sedia ada secara berterusan.	Unit Integriti	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
5.	Menyebarluas mesej berkenaan Saluran Pemberi Maklumat (<i>Whistle Blowing Channel</i>) kepada seluruh warga SPAN dan pemegang taruh secara berterusan.	Unit Integriti	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)
6.	Menyemak semula serta menambah baik Garis Panduan Penerimaan Hadiah sedia ada dengan memasukkan <i>Term of Reference (TOR)</i> yang lebih jelas untuk panduan warga kerja SPAN.	Unit Integriti	2 Tahun 2021 - 2022
7.	Menyebarluas makluman berkenaan dengan Garis Panduan Penerimaan Hadiah yang telah dikeluarkan kepada seluruh warga SPAN secara berterusan.	Unit Integriti	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)



BIDANG KEUTAMAAN 1		TADBIR URUS DAN PERUNDANGAN		
STRATEGI 1		Memupuk pengamalan tadbir urus baik dan memperkasakan perundangan yang komprehensif bagi meningkatkan integriti, kredibiliti dan akauntabiliti SPAN.		
OBJEKTIF STRATEGIK 1.3		Meningkatkan integriti di dalam menjalankan tanggungjawab bagi melindungi kepentingan SPAN.		
BIL.	INISIATIF / TINDAKAN		PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.	Mewujudkan suatu garis panduan dan Manual Prosedur Kerja (MPK) bagi pengendalian dokumen rahsia, sulit atau terperingkat.		Unit Integriti	2 Tahun 2021 - 2022
2.	Melaksanakan pendedahan berkenaan pengendalian dokumen rahsia, sulit atau terperingkat kepada seluruh warga SPAN secara berterusan.		Unit Modal Insan	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)
3.	Mewujudkan "Kod Etika Anggota Suruhanjaya" sebagai panduan dalam pengurusan aktiviti anggota suruhanjaya.		Unit Urus Setia	1 Tahun 2021
4.	Mengadakan garis panduan berkenaan penerimaan surat sokongan daripada pihak berkepentingan bagi mengelakkan campur tangan dalam pengurusan SPAN.		Unit Integriti	1 Tahun 2021

Bidang Keutamaan 2: Pengurusan Teknikal dan Operasi

BIDANG KEUTAMAAN 2		PENGURUSAN TEKNIKAL & OPERASI		
STRATEGI 2		Mempertingkatkan Ketelusan dan Kecekapan Dalam Pengoperasian.		
OBJEKTIF STRATEGIK 2.1		Meningkatkan integriti dan mengurangkan risiko rasuah di kalangan warga SPAN.		
BIL.	INISIATIF / TINDAKAN		PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.	Mengkaji semula Manual Prosedur Kerja (MPK) sedia ada berkenaan keperluan untuk melaksanakan semakan latar belakang ke atas pegawai yang akan dilantik ke sesuatu jawatan yang berisiko.		Unit Modal Insan	2 Tahun 2021 - 2022
2.	Menyemak semula MPK sedia ada untuk memastikan terdapat pengasingan tugas dan kuasa yang jelas.		Semua Jabatan / Bahagian / Unit	2 Tahun 2021 - 2022
3.	Melaksanakan Program-Program Kesedaran berkaitan dengan Akta SPRM 2009 (Seksyen 16,17, 18 & 23) serta latihan berkenaan nilai-nilai integriti secara berterusan.		Unit Integriti	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)
4.	Mengenakan tindakan punitif kepada warga SPAN yang terlibat berdasarkan kepada Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 [Akta 605] secara berterusan.		Unit Modal Insan	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
5.	Mewujudkan polisi bagi menjelaskan had dan kuasa bagi mengelakkan campur tangan pihak ketiga.	Unit Integriti	3 Tahun 2021 - 2023
6.	Melaksanakan Program Kesedaran Polisi Intergriti berkenaan 'Conflict of Interest'.	Unit Integriti	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)
7.	Mewujudkan satu sistem atas talian (<i>online</i>) yang holistik untuk memastikan kelancaran proses pengurusan, permohonan KWSMP serta rayuan offset bagi meminimakan birokrasi dan memudahkan pemegang taruh membuat semakan dari semasa ke semasa.	Bahagian Operasi Wilayah / Unit IT	2 Tahun 2021



BIDANG KEUTAMAAN 2		PENGURUSAN TEKNIKAL & OPERASI	
STRATEGI 2		Mempertingkatkan Ketelusan dan Kecekapan Dalam Pengoperasian.	
OBJEKTIF STRATEGIK 2.2		Memperkuuhkan sistem sedia ada agar lebih efesien.	
BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.	Memperkasa sistem sedia ada bagi memantapkan mekanisme pemantauan serta mengkaji keperluan sistem integrasi bersama pihak ketiga seperti operator / CIDB dan lain-lain agensi kerajaan agar lebih mesra pengguna bagi kegunaan warga kerja SPAN dan pemegang taruh secara berterusan.	BPT / BPI / JKAP	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)
2.	Melaksanakan penambahbaikan ke atas sistem dalaman SPAN berdasarkan kepada permohonan pemilik sistem.	Unit IT	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)
3.	Mengemaskini senarai Qualified Person (QP) secara berkala.	JKAP	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)

BIDANG KEUTAMAAN 2		PENGURUSAN TEKNIKAL & OPERASI		
STRATEGI 2		Mempertingkatkan Ketelusan dan Kecekapan Dalam Pengoperasian.		
OBJEKTIF STRATEGIK 2.3		Meningkatkan kompetensi Agensi Perakuan Air dan Pembetungan (AP).		
BIL.	INISIATIF / TINDAKAN		PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.	Melaksanakan bengkel atau forum bersama dengan Agensi Perakuan Air dan Pembetungan (AP) bagi meningkatkan kompetensi secara berkala.		JKAP	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)
2.	Penambahbaikan Garis Panduan dan Manual Prosedur Kerja (MPK) bagi menjalankan mekanisme pengauditan terhadap Agensi Perakuan Air dan Pembetungan (AP).		Bahagian Operasi Wilayah	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)
3.	Melaksanakan penilaian ke atas Agensi Perakuan Air dan Pembetungan (AP) secara berterusan.		JKAP	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)
4.	Melaksanakan pengauditan terhadap Agensi Perakuan Air dan Pembetungan (AP) bagi memastikan segala proses kerja yang merangkumi keputusan yang dikeluarkan oleh Agensi Perakuan Air dan Pembetungan (AP) adalah tepat dan seragam secara berkala.		Bahagian Operasi Wilayah	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)

BIDANG KEUTAMAAN 2		PENGURUSAN TEKNIKAL & OPERASI		
STRATEGI 2		Mempertingkatkan Ketelusan dan Kecekapan Dalam Pengoperasian.		
OBJEKTIF STRATEGIK 2.4		Meningkatkan sistem dan proses dalam pengurusan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan (KWSMP).		
BIL.	INISIATIF / TINDAKAN		PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.	Mewujudkan unit/bahagian khas yang menguruskan segala urusan berkaitan kutipan dan rayuan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan (KWSMP).		Bahagian Operasi Wilayah / JKAP	1 Tahun 2021
2.	Menyemak semula serta menambahbaik Manual Prosedur Kerja (MPK) bagi melancarkan proses kutipan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan (KWSMP).		Bahagian Operasi Wilayah	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)
3.	Menghantar Pegawai mengikuti latihan yang bersesuaian untuk meningkatkan kompetensi seperti bengkel pengetahuan Yard Stick Cost.		Unit Modal Insan	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)

Bidang Keutamaan 3: Penguatkuasaan

BIDANG KEUTAMAAN 3		PENGUATKUASAAN	
STRATEGI 3		Memantapkan Keberkesanan Aktiviti Penguatkuasaan dan Pendakwaan.	
OBJEKTIF STRATEGIK 3.1		Meningkatkan kredibiliti, integriti serta profesionalisme dalam penguatkuasaan dan pendakwaan.	
BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.	Menyemak semula serta mengemaskini semua Garis Panduan, Ketetapan, Tatacara serta Manual Prosedur Kerja SPAN yang berkaitan Penguatkuasaan.	Unit Penguatkuasaan	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)
2.	Menjalankan suatu kerjasama yang kukuh bersama dengan agensi penguatkuasaan yang lain seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta lain-lain agensi berkaitan secara berterusan.	Unit Penguatkuasaan	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)
3.	Memberikan pendedahan dan kesedaran berkenaan nilai-nilai integriti kepada warga kerja SPAN serta operator air dan pembetungan secara berterusan.	Unit Penguatkuasaan	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)
4.	Melaksanakan program latihan pengukuhan yang berterusan kepada para pegawai Penguatkuasa secara berterusan.	Unit Modal Insan	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
5.	Menyemak semula serta mengemaskini Manual Prosedur Kerja (MPK) SPAN yang berkaitan Pendakwaan.	Unit Pendakwaan	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)
6.	Menempatkan seorang Timbalan Pendakwa Raya (TPR) dari Jabatan Peguam Negara di SPAN tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.	Unit Modal Insan	2 Tahun 2021 - 2022



BIDANG KEUTAMAAN 3	PENGUATKUASAAN		
STRATEGI 3	Memantapkan Keberkesanan Aktiviti Penguatkuasaan dan Pendakwaan.		
OBJEKTIF STRATEGIK 3.2	Memperkuuhkan kolaborasi antara Jabatan/Bahagian/Unit dalaman SPAN.		
BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.	Menggunakan sistem e-aduan sebagai suatu mekanisme aduan bagi meningkatkan kerjasama yang rapat di antara Jabatan/Bahagian/Unit di SPAN bagi tujuan tindakan penguatkuasaan.	Unit Penguatkuasaan	3 Tahun 2021 - 2023
2.	Melaksanakan program latihan pengukuhan yang berterusan kepada para pegawai Penguatkuasa secara berterusan.	Unit Modal Insan	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)



Bidang Keutamaan 4: Pengurusan Korporat dan Pentadbiran

BIDANG KEUTAMAAN 4		PENGURUSAN KORPORAT & PENTADBIRAN		
STRATEGI 4		Mempertingkatkan Ketelusan Perolehan Dan Meningkatkan Kompetensi Pengamalan Profesionalisme Pegawai Serta Ketelusan Pentadbiran.		
OBJEKTIF STRATEGIK 4.1		Meningkatkan ketelusan perolehan, pengurangan risiko rasuah, penyelewangan pasaran dan anti persaingan.		
BIL.	INISIATIF / TINDAKAN		PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.	Menyemak semula serta memperkuuhkan Tatacara Perolehan dan Manual Prosedur Kerja (MPK) yang berkaitan secara berterusan.		Unit Perolehan	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)
2.	Mengadakan latihan Kemahiran Pengurusan Perolehan bagi meningkatkan pemahaman dan kompetensi pengurusan perolehan di kalangan pegawai secara berkala.		Unit Modal Insan	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)
3.	Memperkemaskan Terms of Reference (TOR) berkenaan proses lantikan jawatankuasa spesifikasi dan penilaian termasuklah menyemak semula perlaksanaan Integrity Pact agar lebih menyeluruh dan lebih komprehensif.		Unit Perolehan	2 Tahun 2021 - 2022
4.	Menambahbaik mekanisme pusingan kerja kepada semua kakitangan SPAN sebagaimana yang diperuntukkan di bawah NACP dengan mengenalpasti jawatan yang berisiko tinggi serta mewujudkan “job profiling”.		Unit Modal Insan	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
5	Melaksanakan mekanisme pengisytiharan harta secara berterusan berdasarkan keperluan semasa.	Unit Modal Insan	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)
6.	Memperkuuh dan menambahbaik sistem e-Pembekal SPAN dengan memperkenalkan elemen penilaian sebutharga/tender secara atas talian.	Unit Perolehan	3 Tahun 2021 - 2023
7.	Mengenakan tindakan punitif kepada warga SPAN yang terlibat berdasarkan kepada Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 (Akta 605) secara berterusan.	Unit Modal Insan	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)
8.	Melaksanakan mekanisme pengauditan secara berkala ke atas fungsi perolehan, kewangan serta pentadbiran.	Unit Audit Dalam	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)

BIDANG KEUTAMAAN 4		PENGURUSAN KORPORAT & PENTADBIRAN		
STRATEGI 4		Mempertingkatkan Ketelusan Perolehan Dan Meningkatkan Kompetensi Dan Profesionalisme Pegawai Serta Ketelusan Pentadbiran.		
OBJEKTIF STRATEGIK 4.2		Memperkuuhkan tadbir urus dengan memfokuskan kepada pemantapan integriti dan nilai-nilai murni dalam kalangan warga kerja SPAN.		
BIL.	INISIATIF / TINDAKAN		PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.	Mewajibkan semua Jabatan / Bahagian / Unit di SPAN untuk memuat naik kesemua Pekeliling, Garis Panduan, Manual Prosedur Kerja (MPK) dan Tatacara-Tatacara yang berkaitan ke laman sesawang SPAN i-portal.		Semua Jabatan / Bahagian / Unit	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)
2.	Memperkuuhkan modul kursus induksi ke atas semua pegawai baharu dengan memasukkan elemen penerapan nilai-nilai murni, integriti serta budaya kerja yang sihat secara berterusan.		Unit Modal Insan	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)
3.	Menambahbaik program dan mewajibkan semua warga kerja SPAN untuk menghadiri bengkel berkenaan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654), Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) dan perundangan subsidiari secara berterusan.		Unit Modal Insan	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
4	Melaksanakan program-program kesedaran berkaitan dengan integriti, pengamalan nilai-nilai murni serta etika kerja warga SPAN dengan melibatkan agensi-agensi lain yang berkaitan bagi memberi tumpuan kepada permasalahan utama organisasi secara berterusan.	Unit Modal Insan	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)
5.	Menyemak semula Garis Panduan Kenaikan Pangkat dengan menyediakan suatu panduan jelas berkenaan penetapan pewajaran prestasi dan rekod tindakan tatatertib (jika ada).	Unit Modal Insan	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)
6.	Memperkenalkan sistem tapisan integriti dalam pemilihan pengurusan kanan SPAN selaras dengan insiatif di bawah NACP.	Unit Modal Insan	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)
7.	Menambahbaik proses penilaian prestasi termasuk mengkaji kemungkinan penggunaan kaedah penilaian 360 darjah melalui sistem HRIS.	Unit Modal Insan	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)
8.	Memperkemaskan Garis Panduan serta Manual Prosedur Kerja (MPK) secara menyeluruh.	Unit Modal Insan	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)
9.	Mengenakan tindakan punitif kepada warga SPAN yang terlibat berdasarkan kepada Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 [Akta 605] secara berterusan.	Unit Modal Insan	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
10.	Membangunkan dan mendapatkan pensijilan bagi Anti Bribery Management System (ABMS) MS ISO 37001:2016	Unit Integriti	1 Tahun 2021
11.	Memperkemas proses serah tugas (<i>handover</i>) pegawai yang menamatkan perkhidmatan bersama SPAN.	Unit Modal Insan	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)
12.	Mengemaskini Kod Etika SPAN agar lebih jelas dan menyeluruh serta difahami oleh warga kerja SPAN.	Unit Modal Insan	1 Tahun 2021



BIDANG KEUTAMAAN 4		PENGURUSAN KORPORAT & PENTADBIRAN		
STRATEGI 4		Mempertingkatkan Ketelusan Perolehan Dan Meningkatkan Kompetensi Dan Profesionalisme Pegawai Serta Ketelusan Pentadbiran.		
OBJEKTIF STRATEGIK 4.2		Memantapkan pembangunan modal insan di kalangan warga kerja SPAN.		
BIL.	INISIATIF / TINDAKAN		PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.	Memperkuuh mekanisme pelaksanaan <i>Training Need Analysis</i> dan Analisa Jurang Kompetensi (<i>Competency Gap</i>).		Unit Modal Insan	2 Tahun 2021 - 2022
2.	Memperkuuh keberkesanan pengurusan latihan yang merangkumi permohonan, kelulusan, pemilihan peserta dan penilaian prestasi melalui sistem E-Training.		Unit Modal Insan	2 Tahun 2021 - 2022
3.	Mengenakan tindakan punitif dan demerit kepada warga SPAN yang tidak hadir latihan tanpa sebab yang munasabah secara berterusan.		Unit Modal Insan	5 Tahun 2021 – 2025 (Berterusan)

Bagi memastikan pelaksanaan yang digariskan dalam Pelan SACP 2021-2025 adalah efektif dan berkesan, Jawatankuasa Antirasuh (JAR) akan memantau setiap inisiatif yang dirancangkan.



BAB 3

TADBIR URUS SACP

3.1 Struktur Tadbir Urus SACP

3.2 Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan Dan Penilaian



3. TADBIR URUS SACP

Mekanisme Pelaksanaan

Bagi memastikan pelaksanaan yang digariskan dalam Pelan SACP 2021-2025 adalah efektif dan berkesan, Jawatankuasa Antirasuh (JAR) akan memantau setiap inisiatif yang dirancangkan. Penglibatan dan komitmen pihak yang terlibat seperti Pengurusan Tertinggi, warga SPAN dan pemegang taruh adalah penting dalam memastikan inisiatif yang digaris mencapai objektif dan sasaran yang ditetapkan.

3.1 Struktur Tadbir Urus SACP



3.2. Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan Dan Penilaian

Penyelarasan

SACP akan dilaksanakan secara menyeluruh dengan melibatkan kerjasama di antara Jabatan, Bahagian, Unit serta Pejabat Wilayah. Semua aktiviti melibatkan inisiatif yang dirancang akan diselaraskan menerusi Ketua Jabatan / Bahagian / Unit / Wilayah terlibat.

Pemantauan

Semua inisiatif yang dirancang akan dilaksanakan dan dipantau oleh Unit Integriti. Aktiviti yang terlibat dalam pemantauan antaranya :-



Menjelaskan **objektif program**



Memadankan aktiviti dan sumber dengan objektif



Menterjemahkan objektif ke dalam indikator prestasi dan sasaran



Membandingkan keputusan sebenar dengan sasaran (melalui pengumpulan data yang kerap)



Melaporkan kemajuan kepada pemegang taruh (agensi peneraju) berkaitan dan memaklumkan tentang sebarang permasalahan



Mengenalpasti kekuatan dan kelemahan setiap aktiviti



Menilai sama ada aktiviti yang tersebut berorientasikan **matlamat yang dicapai**



Memastikan bahawa **aktiviti dilaksanakan** sebagaimana yang dirancang



Memberikan maklum balas yang bersesuaian berdasarkan situasi apabila diperlukan

4. KESIMPULAN

Pelan Antirasuah SPAN (SACP 2021 - 2025) merupakan sebahagian dari inisiatif SPAN untuk meningkatkan integriti serta membendung amalan rasuah di kalangan warga SPAN. Ianya juga selaras dengan usaha kerajaan melalui Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023 yang menyatakan dengan jelas hala tuju kerajaan dalam membanteras amalan rasuah dalam negara.

Pelaksanaan semua inisiatif yang telah digariskan di dalam pelan ini akan dipantau dan dilaporkan kepada Jawatankuasa Anti Rasuah SPAN bagi memastikan setiap inisiatif mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Semua pihak, termasuk kakitangan dan pengurusan, adalah perlu untuk memainkan peranan masing-masing dalam memastikan kejayaan perlaksanaan semua inisiatif yang telah dirancangkan.



PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih kepada semua pihak seperti di bawah yang telah membantu memberikan input, analisis, kerjasama dan sokongan dalam membangunkan SACP.



A. AHLI JAWATANKUASA ANTI-RASUAH SPAN (JAR)

1. **Dato' Hj. Ahmad Faizal bin Abdul Rahman**
Ketua Pegawai Eksekutif (KPE)
2. **Dato' Ir. Mohd Shukri bin Abdul Razik**
Pengarah Eksekutif - Bahagian Perancangan Strategik
3. **Tn. Hj. Ir. Muhamad Sobri bin Zakaria**
Pengarah Eksekutif - Jabatan Kawalselia Air dan Pembetungan
4. **Tn. Hj. Abdul Sukor bin Ismail**
Pengarah Kanan - Bahagian Pembangunan Industri
5. **En. Norhisham bin Sahlan**
Pengarah Kanan - Bahagian Khidmat Sokongan
6. **Puan Hajah Zarina binti Sulieman**
Pengarah Kanan - Bahagian Pengurusan Korporat
7. **Puan Sujatha Nair**
Pengarah Kanan - Bahagian Undang-Undang

B. AHLI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN PENGGUBALAN PELAN ANTIRASUAH SPAN

1. **En. Bukhari bin Abdul Rahman**
Pengarah Kanan - Bahagian Audit Dalam & Integriti
2. **Puan Nurul Huda binti Mohamed Hatta**
Eksekutif Kanan 1 - Bahagian Standard Teknikal dan Pematuhan
3. **Puan Nurul Azzura binti Shahadan**
Eksekutif Kanan 1 - Bahagian Sumber dan Perancangan Tadahan
4. **Puan Nurfisa binti Ilias**
Eksekutif Kanan 1 - Bahagian Pelesenan dan Tarif
5. **Puan Hazrinna binti Hussain**
Eksekutif Kanan 1 - Unit Khidmat Perundangan
6. **En. Mohd Helmy bin Razelan**
Eksekutif Kanan 1 - Unit Pendakwaan
7. **En. Afnan bin Abdulfatah**
Eksekutif Kanan 1 - Unit Modal Insan
8. **Puan Noor Izzati binti Abas@Dawam**
Eksekutif Kanan 1 - Pejabat Wilayah Tengah
9. **En. Ahmad Hariz bin Mohd Tazri**
Eksekutif - Unit Kewangan
10. **Puan Ida Murni Marlina Ali binti Abdul Halim**
Eksekutif - Unit Komunikasi Korporat dan Hal Ehwal Pengguna

C. AHLI PESERTA BENGKEL PERANCANGAN SENARIO

1. **En. Ir. Azrol bin Nordin @ Mohd Noordin**
Ketua Cawangan - Pejabat Cawangan Perak
2. **En. Tahsilazam bin Othman**
Ketua Cawangan - Pejabat Cawangan Melaka
3. **En. Abd. Rahim bin Saian**
Eksekutif Kanan 2 - Bahagian Operasi Wilayah
4. **Puan Hazrinna binti Hussain**
Eksekutif Kanan 1 - Unit Khidmat Perundungan
5. **En. Mohd Hishamuddin bin Mat Yashim**
Eksekutif Kanan 1 - Pejabat Wilayah Timur
6. **Puan Nurfisa binti Ilias**
Eksekutif Kanan 1 - Bahagian Pelesenan dan Tarif
7. **Puan Noor Izzati binti Abas@Dawam**
Eksekutif Kanan 1 - Pejabat Wilayah Tengah
8. **En. Mohd Fais bin Zianalabiden**
Eksekutif Kanan 1 - Bahagian Audit Industri
9. **En. Zaid bin Abdul Razak**
Eksekutif Kanan 1 - Pejabat Wilayah Utara
10. **Puan Nurul Azzura binti Shahadan**
Eksekutif Kanan 1 - Bahagian Sumber dan Perancangan Tadahan
11. **En. Mohd Helmy bin Razelan**
Eksekutif Kanan 1 - Unit Pendakwaan
12. **En. Afnan bin Abdulfatah**
Eksekutif Kanan 1 - Unit Modal Insan
13. **En. Shariful Sharizan bin Anuari**
Eksekutif Kanan 1 - Unit Penguatkuasaan
14. **Puan Helwa Anisah binti Abdul Hamid**
Eksekutif Kanan 1 - Unit Perancangan Strategik
15. **En. Mohd Tarmidziy bin Ishaik**
Eksekutif Kanan 1 - Bahagian Sumber dan Perancangan Tadahan
16. **Puan Nurul Huda binti Mohamed Hatta**
Eksekutif Kanan 1 - Bahagian Standard Teknikal dan Pematuhan
17. **En. Kamaruzaman bin Mohd Noor**
Eksekutif Kanan 1 - Bahagian Pembangunan Industri
18. **Puan Nurul Ashikeen binti Kamaruzaman**
Eksekutif Kanan 1 - Bahagian Standard Teknikal dan Pematuhan
19. **En. Kishore Kumar a/l Arumugam**
Eksekutif Kanan 1 - Bahagian Sumber dan Perancangan Tadahan

C. AHLI PESERTA BENGKEL PERANCANGAN SENARIO

20. **Puan Suriyanti binti Suleiman**
Eksekutif - Unit Pengurusan Aset dan Pentadbiran
21. **Elyaasarah binti Sofyan Mahadik**
Eksekutif - Unit Perkhidmatan Urus Setia
22. **En. Mohd Fahrurrozy bin Wakimin**
Eksekutif - Pejabat Wilayah Selatan
23. **En. Meor Mohd Firdaus bin Meor Mohd Najib**
Eksekutif - Pejabat Wilayah Tengah
24. **Puan Ida Murni Marlina Ali binti Abdul Halim**
Eksekutif - Unit Komunikasi Korporat dan Hal Ehwal Pengguna
25. **En. Ahmad Hariz bin Mohd Tazri**
Eksekutif - Unit Kewangan
26. **Puan Siti Zainab bt Samsudin**
Eksekutif - Unit Perolehan
27. **En. Mohammad Ezkandar Bin Abdul Razak**
Eksekutif - Unit Modal Insan
28. **Puan Noor Syahirah binti Abdullah**
Eksekutif - Pejabat Cawangan Pahang

D. BAHAGIAN AUDIT DALAM DAN INTEGRITI (URUSETIA)

1. **En. Bukhari bin Abdul Rahman**
Pengarah Kanan - Bahagian Audit Dalam & Integriti
2. **Puan Siti Mawarni binti Abdullah Sani**
Pembantu Khas - Bahagian Audit Dalam & Integriti
3. **En. Mohammad Faizal bin Sulaiman**
Timbalan Pengarah - Bahagian Audit Dalam & Integriti
4. **En. Mohamad Hafizul bin Md Ali**
Eksekutif Kanan 1 - Bahagian Audit Dalam & Integriti
5. **Puan Idayu binti Shah Haibi**
Eksekutif - Bahagian Audit Dalam & Integriti
6. **En. Norman bin Ladamai**
Eksekutif - Bahagian Audit Dalam & Integriti
7. **En. Mohd Suhaidi bin Wan Shamsuddin**
Eksekutif - Bahagian Audit Dalam & Integriti
8. **Puan Nur Fatehatul Farahin binti Kamaruddin**
Penolong Eksekutif - Bahagian Audit Dalam & Integriti
9. **Puan Nur Ain binti Tusiran**
Penolong Eksekutif - Bahagian Audit Dalam & Integriti



www.span.gov.my

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA

Ground Floor and First Floor,
Prima Avenue 7,
Block 3510, Jalan Teknokrat 6,
63000 Cyberjaya, Selangor

ISBN 978-967-19057-0-8

A standard linear barcode representing the ISBN number 9789671905708.

9789671905708